

**CATATAN SESI PERBINCANGAN PEMAIN INDUSTRI TELEKOMUNIKASI
BERSAMA KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN (KUDR)**

Tarikh : 16 Julai 2024
Masa : 10.00 Pagi
Tempat : Bilik Wau, CelcomDigi Hub

Kehadiran Pemain Industri Telekomunikasi

- | | | |
|-----|---|------------|
| 1. | En. Jason Stephen Nayagam | CelcomDigi |
| 2. | En. Mohamed Ibrissam bin Abd Hamid | CelcomDigi |
| 3. | En. Syamsul A'rifin bin Mohd Rani | CelcomDigi |
| 4. | En. Mohamad Syazwan bin Mohamed Faisal | CelcomDigi |
| 5. | En. Dwi Indra Gunawan bin Johari @ Zahari | CelcomDigi |
| 6. | Pn. Nurul Izzati bin Zainal Abidin | CelcomDigi |
| 7. | En. Mohd Hizami bin Khusaini | Maxis |
| 8. | En. Barkathul Zaman bin Bukhari | Maxis |
| 9. | En. Shahrizan bin Shahron | YTL |
| 10. | En. Mohd Shahril bin Ayob | TM |
| 11. | En. Ahmad Jamali bin Sepihie | TM |
| 12. | En. Roslan bin Mohd Kasim | Umobile |
| 13. | En. Nordin Maulut | Allo |

Kehadiran Delegasi Koridor Utiliti Darul Ridzuan (KUDR)

- | | | |
|-----|--------------------------------------|-------------------------------|
| 14. | En. Adham Nasri bin Mohamad | Ketua Pegawai Eksekutif |
| 15. | Pn. Hasnita binti Musa@Amindollah | Pengurus Koridor Negeri |
| 16. | En. Rahaizak Azri bin Rakman | Pegawai Pelan dan Pemetaan |
| 17. | Pn. Nur Arena Zarifah binti Abdullah | Pegawai Pendaftar dan Seranta |

Bil.	Perkara Berbangkit	Maklumbalas KUDR
1.	Pembelian Data UDM - Pihak Industri mahu kepastian sama ada pembelian maklumat data UDM dari telco yang berbeza dibolehkan di KUDR. - KUSEL membenarkan pembelian data UDM. - Keabsahan data adalah dalam tempoh 6 bulan.	1. Penjualan maklumat data UDM oleh KUSEL KUDR akan mengadakan perbincangan bersama KUSEL pada 30 Julai 2024 untuk mengetahui kaedah yang digunakan. 2. Perbincangan bersama Jurukur Tanah Berlesen (JTB) akan dijadual selepas perbincangan dan dapatan bersama KUSEL. 3. KUDR mencadangkan pihak telekomunikasi untuk turut berkongsi butiran Jurukur yang boleh mengesahkan semula data UDM yang telah digunapakai kepada KUDR.

2.	Mengambil tanggungjawab atas laporan UDM • Pihak Industri mahu KUDR menggalas akauntabiliti atas semua laporan UDM yang dikeluarkan. • Kegusaran ini berlaku kerana KUN lain tidak mahu bertanggungjawab atas laporan tersebut. • Pemain industri mahu KUDR memastikan ada perjanjian yang mengikat dan Kontraktor/ Jurukur yang dilantik mempunyai insuran untuk membaiki kerosakan.	1. KUDR sebagai penyelaras akan menjalankan sesi '<i>due dligence</i>' dengan Bahagian Perundangan KUDR untuk meneliti sekali lagi dan memastikan perjanjian pihak pengurus perkhidmatan kepada KUDR bersama JTB adalah mengikat dari segi akauntabiliti dan kebertanggungjawaban terhadap laporan yang dihasilkan. 2. Sebagaimana yang tertera dalam Terma dan Syarat KUDR, agensi penyelaras tidak akan menanggung dan membayar sebarang ganti rugi yang berlaku. 3. Sekiranya berlaku kesalahan, KUDR akan membuat semakan untuk menentukan siapa penanggung liabiliti; sama ada dari pihak kontraktor atau dari UDM. Jika dikenalpasti kesalahan dari pihak kontraktor – KUDR akan memaklumkan perkara tersebut kepada penyedia utiliti supaya kontraktor mengambil tanggungjawab dan sekiranya kesalahan dari UDM – KUDR akan memaklumkan kepada Jurukur yang membuat dan mengesahkan UDM berkaitan untuk mengambil tanggungjawab. 4. Pembentangan skop dan syarat kerja Jurukur serta butiran kontrak Jurukur akan dibentangkan dalam perjumpaan bersama pemain industri telekomunikasi pada 13 Ogos 2024.
3.	Memastikan tempoh 15 hari kelulusan permit di MBI diikuti oleh semua PBT • Pemain industri setuju tapi mahu satu jaminan dari KUDR dapat memenuhi tempoh ini supaya sekiranya berlaku kelewatan impak kerja tidak di tanggung oleh pemain industri.	1. Perbincangan Bersama Tuan Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Negeri Perak. ▪ KUDR telah mengadakan perjumpaan bersama Timb. Pengarah Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Perak pada 25 Julai 2024. YBrs. Tn. Zairasyahli mencadangkan agar perkara ini dibentangkan sebagai korum khas dalam mesyuarat JKTKT yang akan diadakan pada bulan Oktober 2024. 2. Perbincangan Bersama Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan ▪ KUDR juga akan membawa isu penyeragaman tempoh permit PBT ini kepada pengetahuan Pengerusi

		Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, perbincangan lanjut akan diadakan pada 06 Ogos 2024. 3. Perbincangan Bersama Majlis Perbandaran Manjung (MPM) ▪ KUDR dimaklumkan oleh Telekom Malaysia tempoh kelulusan permit di MPM adalah yang terpanjang di PBT Negeri Perak. Bagi mengurangkan risiko membolehkan penyeragaman tempoh masa berlaku, KUDR akan mengambil inisiatif mengadakan libat urus bersama Pengarah Kejuruteraan MPM. Tarikh perbincangan sedang diatitkan.
4.	<i>Engagement Session</i> Setiap Suku Tahunan • Untuk memastikan KUDR berupaya mengikut tempoh sebagaimana carta alir, pemain industri mahu diadakan perbincangan setiap suku tahunan diadakan bagi memastikan KPI KUDR terlaksana dan konsisten melaksana tugas. • Dicapangkan Exco INTAP / Exco Telekomunikasi mempengerusikan mesyuarat. Ahli mesyuarat terdiri daripada KUDR, pemain utiliti dan pihak berkuasa melulus.	KUDR tiada halangan terhadap perkara ini dan Tuan Ketua Pegawai Eksekutif KUDR akan membawa hasrat ini ke pengetahuan Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktut, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam.
5.	Pemudahcara prosedur kerja bagi jalan persekutuan / negeri milik JKR • Pemain industri meminta KUDR melihat semula proses permohonan bagi jalan JKR di negeri Perak. • KUDR dicadangkan melihat contoh tatacara kerja JKR di negeri Johor dimana Pengarah JKR Negeri Johor mengeluarkan Surat Kebenaran Kelulusan Kerja Awal secara umum dengan syarat surat kelulusan izin lalu telah dikeluarkan oleh JKR Daerah. Walaubagaimanapun, KUDR turut memaklumkan perkara ini tidak diamalkan oleh JKR di negeri Pahang. • Pemain industri telekomunikasi memohon KUDR untuk membantu supaya ketetapan seperti di Johor dapat dilaksana di negeri Perak.	1. Rundingan Bersama Pemangku Pengarah JKR Negeri Perak dan JAPJ Perak ▪ KUDR dalam fasa mengkoordinasi tarikh dan masa bagi rundingan ini.

6.	Penyeragaman Wang Hangus PBT • Pemain industri dimaklumkan harga <i>open cut</i> telah diseragamkan kadar bagi semua PBT. • Pemain industri meminta KUDR selaku OSA menyelaraskan semua caj dan fi yang dikenakan supaya lebih berdaya saing. Sebagaimana <i>State Secretary</i> Kedah (SSK) menyelaraskan caj dan fi di Kedah.	1. Perbincangan Bersama Tuan Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) Negeri Perak. ▪ KUDR telah mengadakan perjumpaan bersama Timb. Pengarah Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Perak pada 25 Julai 2024. YBrs. Tn. Zairasyahli mencadangkan agar perkara ini dibentangkan sebagai korum khas dalam mesyuarat JKTKT yang akan diadakan pada bulan Oktober 2024. 2. Perbincangan Bersama Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan ▪ KUDR juga akan membawa isu penyeragaman wang hangus PBT ini kepada pengetahuan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, perbincangan lanjut akan diadakan pada 06 Ogos 2024. 3. Perbincangan Bersama SSK ▪ KUDR telah mengatur pertemuan dengan SSK pada 07 Ogos 2024. 4. KUDR akan membentangkan kadar fi bagi butir kerja dan jumlah wang cagaran setiap PBT untuk rujukan semua pemain industri telekomunikasi.
7.	Pembayaran Caj OSA • Pemain industri bersetuju dengan pembayaran berperingkat berikut: 50% : Izin Lalu 40% : Permit 10% : CPC	KUDR tiada halangan dan bersetuju terhadap perkara ini.

8.	Caj Bagi Perkhidmatan (<i>Aerial Cable With Poll</i>) di KUDR • Pemain industri mahu tahu harga bagi penanaman tiang di semua kawasan. • Pemain industri memaklumkan kadar harga penanaman tiang di KUSEL adalah RM3 / meter <i>run</i>. • Sekiranya boleh harga yang disetkan adalah seragam. • KUDR ambil maklum permintaan industri dan akan bawa ke perhatian Lembaga Pengarah. • Inisiatif lain, KUDR akan buat <i>engagement</i> bersama PBM dan Koridor Negeri Utiliti yang lain.	1. KUDR akan mengeluarkan satu surat bagi memohon maklum balas berkaitan penetapan kadar penanaman tiang di semua Koridor Utiliti Negeri. KUDR akan mengambil pendekatan untuk mengikut harga semasa industri koridor.
9.	Kesediaan KUDR menandatangani Perjanjian Bersama Syarikat Telekomunikasi	1. Sebagaimana dimaklumkan semasa perbincangan, KUDR tiada masalah untuk menandatangani sebarang perjanjian, cuma memerlukan tempoh masa semakan. 2. KUDR juga memerlukan serahan deraf perjanjian syarikat telekomunikasi untuk semakan awal Pegawai Undang-Undang KUDR. Sekiranya ada perkara berbangkit boleh dibincangkan pada sesi 13 Ogos 2024.
10.	Dana Pusingan (<i>Revolving Fund</i>) • KUDR memaklumkan tidak boleh memaksa untuk Kerajaan Negeri memegang wang tersebut kerana struktur KUDR yang berbeza. • Pemain Industri menolak penuh cadangan sekiranya <i>revolving fund</i> di pegang dan dikawal oleh PKNPk. • Walaubagaimanapun, KUDR faham kegusaran pemain industri tentang keselamatan wang masing-masing dan akan bantu untuk menyediakan kertas kerja bagi membawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri Perak sebagaimana di Negeri Kedah. • Pemain Industri mohon pecahan bayaran <i>revolving fund</i> 70% : 30%	1. Perbincangan Bersama InvestPerak ▪ KUDR akan mengadakan perbincangan bersama InvestPerak bagi mencari mekanisme mewujudkan <i>Revolving Fund</i>. 2. Perbincangan Bersama SSK ▪ KUDR telah mengatur pertemuan dengan SSK pada 07 Ogos 2024.

11.	Klausa penalti '<i>Late Payment</i>' dalam T&C KUDR • Pemain industri minta klausa tersebut dibuang. • KUDR ambil maklum. Walaubagaimanapun mengambil kira dan menimbangtara keselamatan pembayaran kepada KUDR dan komitmen penyedia utiliti, KUDR turut memaklumkan Terma dan Syarat KUDR tidak akan berubah dalam tempoh tersebut. • KUDR mencadangkan penyedia utiliti untuk <i>counter</i> Terma dan Syarat KUDR melalui perjanjian syarikat telekomunikasi bersama KUDR. • Pemain industri mencadangkan sebarang penalti '<i>Late Payment</i>' dinyatakan sahaja dalam inbois.	1. KUDR kekal klausa penalti '<i>Late Payment</i>' ▪ Syarikat Telekomunikasi perlu menyatakan dengan jelas dalam perjanjian Syarikat Telekomunikasi dengan KUDR satu akujanji dimana akan melunaskan pembayaran kepada KUDR dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh perolehan Syarikat Telekomunikasi masing-masing. Sekiranya tempoh ini tidak dipatuhi, klausa '<i>Late Payment</i>' dalam Terma dan Syarat KUDR akan terpakai.
12.	Klausa Meminda / Pembetulan Permohonan Dalam Tempoh 7 Hari dalam T&C KUDR • Pemain industri meminta klausa tersebut dibuang. • Klausa ini dalam para 3(f). • KUDR akan menimbangtara perkara ini sebaiknya.	1. KUDR dalam fasa perbincangan bersama Pegawai Undang-Undang KUDR. 2. Hasil dapatan akan dibentangkan dalam sesi perbincangan bersama pemain industri telekomunikasi.
14.	Membentang Perkara Berbangkit Dalam Perbincangan dan Secara Berdokumen • Pemain industri memohon KUDR membuat laporan dan pembentangan dalam selepas 3 minggu / 21 hari berkerja (30 Julai 2024) di Ipoh. • Maklum balas adalah perlu kecuali bagi perkara yang memerlukan makluman dan kelulusan BOD supaya ini jadi perbincangan terakhir. • KUDR maklum ketegasan pemain industri dan bantu untuk bawa suara pemain industri bagi semua perkara berbangkit.	1. Surat berkaitan serta catatan perbincangan akan diserahkan melalui emel kepada En. Syamsul A'rifin. 2. Sesi pembentangan dari KUDR akan diadakan pada 13 Ogos 2024.
16.	Akta 458 • Pemain industri bertanya KUDR akan memandatorikan akta ini kepada pemain industri. • KUDR memaklumkan tiada kenaikan harga dalam masa terdekat akan berlaku dan KUDR telah mensyaratkan semua jurukur perlu berlesen serta memaklumkan akta ini tidak membenarkan jurukur <i>in-house</i>.	KUDR tidak terlibat dalam Akta 458. Akta ini juga tidak menjejaskan operasi KUDR kerana KUDR tidak mempunyai jurukur <i>in-house</i>.

Disediakan oleh:



NUR ARENA ZARIFAH BINTI ABDULLAH
PEGAWAI PENDAFTAR DAN SERANTA
KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN

Disahkan oleh:



ADHAM NASRI BIN MOHAMAD
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN